

BAB
III

BAB II1

WANITA DAN KEUPAYAAN DALAM BIDANG KEHAKIMAN

3.1 Pendahuluan

Islam telah memberi kedudukan dan penghormatan yang sangat tinggi kepada kaum wanita. Malah Islam telah mengiktiraf wanita sama dengan kaum lelaki. Persamaan hak ini dapat dilihat kepada kejadian lelaki dan wanita yang dijadikan oleh Allah s.w.t secara berpasangan dalam menyempurnakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Oleh itu status khalifah yang diberikan oleh Allah kepada manusia merangkumi kedua-dua jantina lelaki dan wanita dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Firman Allah Taala dalam surah al-Nahl yang berbunyi:

مَنْ عَمِلْ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهُ
حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

"Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, sama ada lelaki ataupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik, dan sesungguhnya akan Kami berikan balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang telah mereka kerjakan."

Terjemahan Surah al-Nahl (14): 97.

Allah Taala berfirman lagi yang berbunyi:

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَمَلٍ مِّنْكُمْ
ذَكَرَ أَوْ أَنثَىٰ بَعْضُكُم مِّنْ بَعْضٍ

Maksudnya:

"Maka Tuhan mereka memperkenankan permohonannya (dengan berfirman) ;Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan amal orang-orang yang beramal di antara kamu sama ada lelaki mahupun perempuan, kerana sebahagian daripada kamu adalah keturunan daripada sebahagian yang lain."

Terjemahan Surah Ali 'Imran (4): 195

Berdasarkan ayat di atas, jelaslah bahawa tuntutan ini ditujukan kepada semua manusia sama ada dari kalangan lelaki atau wanita. Demikian adalah status keupayaan wanita yang ditetapkan oleh Islam, namun persoalan yang masih timbul sekarang ialah kenapa wanita dianggap kaum yang lemah dan tidak boleh menjadi hakim seperti kaum lelaki?. Persoalan itu jelas menunjukkan kepincangan telah berlaku dalam masyarakat Islam terhadap keupayaan wanita untuk dilantik sebagai hakim.

3.2 Pengiktirafan Islam Terhadap Keupayaan Wanita

Islam telah memberi penghormatan dan pengiktirafan terhadap hak wanita. Islam menganggap bahawa wanita itu sama taraf dengan lelaki. Ini telah dijelaskan dalam al-Quran, firman Allah Taala:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya:

"Dan wanita-wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang makruf."

Terjemahan Surah al-Baqarah (2):228.

Kemuliaan wanita juga diterangkan dalam hadis Rasulullah s.a.w :

مَا أَكْرَمَ النِّسَاءَ إِلَّا كَرِّمَ وَمَا أَهَانَهُ إِلَّا لَيْسَ

Maksudnya:

"Tidak bersikap mulia terhadap kaum wanita kecuali orang yang mulia sahaja. Dan tidak melakukan kehinaan terhadap wanita kecuali orang yang memang hina."

(Riwayat 'Asakir)

Wanita pada dasarnya mempunyai hak yang sama dengan kaum lelaki. Islam telah memberikan tiga hak asasi kepada wanita. Hak-hak tersebut adalah hak untuk belajar, hak untuk memiliki harta dan hak untuk memegang jawatan kerja.¹

Islam menyuruh umatnya supaya menuntut ilmu. Tuntutan ini bersifat umum yang merangkumi lelaki dan wanita. Ayat al-Quran yang mula-mula turun menyentuh tentang pentingnya ilmu pengetahuan. Firman Allah Taala:

اقْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ (١) خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ (٢) اقْرَأْ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ (٣) الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ (٤) عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (٥)

Maksudnya:

"Bacalah dengan (menyebut) nama tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya."

Terjemahan Surah al-'Alaq (30): 1-5

Kesan dari ilmu pengetahuan ini, lahirnya cendekiawan wanita Islam hasil dari pemberian yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. Dengan itu lahirlah

¹ Muhammad Darwazah (t.t), *'Asr al-Nabi'*, Beirut: Dar al-Raid al-'Arabi, h. 100-110.

periwayat-periwayat hadis di kalangan isteri-isteri Nabi s.a.w dan wanita biasa seperti Siti 'Aisyah, Hafsa dan Ummu Salamah.²

Penekanan Islam terhadap kepentingan ilmu pengetahuan kepada wanita adalah jelas. Penekanan ini terbukti bahawa ilmu pengetahuan adalah sebahagian daripada asas agama Islam dan kesempurnaan hidup di dunia. Oleh itu pembangunan sesebuah negara bergantung kepada kemajuan pendidikan kaum wanita selari dengan kaum lelaki.

Berdasarkan kenyataan al-Quran dan al-Sunnah mengenai kelebihan ilmu pengetahuan, penulis berpendapat adalah digalakkan supaya wanita menguasai ilmu pengetahuan terutama dalam perundangan Islam seperti bidang kehakiman dan seumpamanya. Ini kerana bidang kehakiman memerlukan kepada ketajaman fikiran serta kebijaksanaannya dalam menjatuhkan sesuatu hukuman.

Islam juga tidak melarang wanita untuk bersama dengan lelaki untuk melibatkan diri dalam bidang kemasyarakatan. Tambahan pula wanita pada hari ini telah ramai yang mempunyai pendidikan tinggi, malah mereka dapat menandingi lelaki dalam pelbagai bidang.

² Al-Jundi, 'Abd. al-Halim (t.t), *Nahwa Taqin al-Jadid li al-Mu'āmalat wa al-Uqūbat fī al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: al-Majlis al-A'la, h. 15-16.

Sebenarnya penglibatan wanita dalam masyarakat sudah berlaku sejak zaman Nabi s.a.w lagi. Wanita pada masa itu turut berniaga di pasar Madinah dan ditempat-tempat lain. Antara peniaga wanita itu adalah Ummu al-Munzir binti Qais dan Qaylah sebagai penjual tamar.³

Pada zaman sahabat juga, wanita diberi penghormatan yang tinggi, contohnya ialah semasa pemerintahan Umar al-Khattab, beliau telah melantik al-Syifa' binti Mu'awwiz sebagai penguasa pasar Madinah.⁴ Perlantikan al-Syifa' boleh dianggap sebagai suatu penghormatan yang tinggi kepada wanita Islam. Al-Syifa' ialah wanita Islam pertama yang dilantik sebagai pegawai kerajaan dalam pemerintahan Islam, yang sekaligus membawa maksud bahawa wanita boleh memegang jawatan penting dalam pentadbiran negara.⁵

Penglibatan wanita bersama masyarakat luar terbukti jelas bahawa mereka tidak dihalang dari menjalankan kegiatan tersebut. Ini menunjukkan bahawa peranan wanita itu bukan sahaja di rumah sebagai isteri atau ibu, tetapi mereka juga berperanan sebagai pekerja di luar rumah.

³ 'Afifi, Abū al-'Ala' (1983), *al-Mar'ah al-'Arabiyyah fī Jahiliyyatiha wa Islāmiyyatiha*, j. 1, Kaheerah: al-Ḥalabī, h. 86.

⁴ Ibn Ḥajar al-'Asqalanī (t.t), *al-Isabah fī Tamyizi al-Ṣaḥabah*, j.13, Kaheerah: al-Ḥalabī, h. 4-5.

⁵ Faisal Hj. Othman (1993), *Kedudukan Dan Peranan Wanita Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 63.

Ternyata penglibatan wanita bersama masyarakat telah berlaku sejak dahulu lagi, ini menunjukkan pengiktirafan Islam terhadap keupayaan wanita untuk bersama kaum lelaki dalam membangunkan masyarakat. Dengan keadaan inilah Islam tidak melarang wanita dari melibatkan diri bersama kaum lelaki dalam bidang yang mencabar seperti hakim dan sebagainya. Walaupun jumhur ulama berpendapat wanita tidak harus dilantik menjadi hakim, namun pandangan ini hanya dalam masalah *ijtihad* sahaja dan tiada *nas* yang jelas melarang wanita melibatkan diri mereka dengan jawatan kehakiman, tambahan pula dengan perkembangan dan realiti semasa, masyarakat harus menilai keupayaan wanita dalam bidang kehakiman setanding dengan kaum lelaki.

3.3 Keupayaan Wanita Dalam Jawatan Kehakiman

Para ulama *usul fiqh* mendefinisikan keupayaan memikul tugas (*taklifi*) adalah sebagai kesesuaian manusia untuk mendapat hak dan memikul kewajipannya serta melakukan segala tindakan yang dianggap benar dari segi agama dan diambil kira oleh hukum.⁶

Daripada definisi di atas jelas bahawa mereka membahagikannya kepada dua iaitu keupayaan memperoleh hak dan menanggung kewajipan "*Ahliyyah al-Wujūb*" dan keupayaan melaksanakan tugas "*Ahliyyah al-Adā'*".

⁶ 'Abd al-Karim Zaydān (Dr.) (1987), *al-Wajiz fi Uṣūl al-Fiqh*, Baghdad: Maktabah al-Quds, h.92-93.

Keupayaan kewajipan adalah kesesuaian seseorang manusia itu terhadap kewajipannya menerima hak untuknya dan kewajipan yang harus dilakukannya. Keupayaan kewajipan terbahagi kepada dua iaitu keupayaan wajib yang kurang dan keupayaan wajib yang sempurna. Keupayaan wajib yang kurang adalah kesesuaian seseorang manusia itu untuk menerima hak untuknya sahaja seperti hak janin untuk memperoleh warisan.

Keupayaan wajib yang sempurna adalah kesesuaian seseorang manusia itu untuk menerima hak untuknya. Hak dan kewajipan ini tetap berlaku untuk dirinya sejak dia dilahirkan hingga dia meninggal dunia. Manakala keupayaan untuk melaksanakan tugas adalah kesesuaian seseorang manusia itu untuk melakukan tindakan yang dianggap benar oleh agama. Keupayaan ini juga terbahagi kepada dua iaitu keupayaan melaksanakan yang kurang dan keupayaan pelaksanaan yang sempurna.

Keupayaan pelaksanaan yang kurang ialah kesesuaian seseorang manusia melakukan sebahagian tindakan dengan meninggalkan tindakan yang lain atau melakukan tindakan yang mana ia bergantung kepada pertimbangan siapakah yang paling sempurna akal nya dan paling mengetahui pelbagai bentuk manfaat dan kerugian yang akan dialami seperti keadaan seorang kanak-kanak yang *mumayyiz* di dalam urusan ekonomi.

Keupayaan pelaksanaan yang sempurna adalah kesesuaian seseorang manusia untuk melakukan tindakan berdasarkan pertimbangan agama dengan tidak melihat pendapat lain iaitu keupayaan yang tetap dan dimiliki oleh orang

yang *baligh* dan dewasa yang hendak menerima beban kewajipan agama.⁷ Oleh itu, kita juga tidak mendapati perbezaan antara berbagai tahap kekurangan akal, terdapat kekurangan fitrah semulajadi dan juga terdapat kekurangan mengikut jantina.

Kekurangan yang bersifat semulajadi (*naqs fitri*) ialah kekurangan akal atau kecerdasan yang bermula dari peringkat bodoh hinggalah ketahap gila. Kekurangan ini termasuk salah satu daripada halangan keupayaan tersebut.⁸ Wanita tidak termasuk di dalamnya kerana dia mampu diberi beban kewajipan agama dan tanggungjawab jenayah dan kebudayaan serta tanggungjawab menanggung beban berbagai jenis kekuasaan yang umum. Sedangkan kekurangan mengikut jenis jantina adalah kekurangan yang bersifat sampingan yang muncul secara kebetulan seperti datangnya haid, nifas atau kehamilan yang sudah tentu tidak mengurangi makna keupayaan.⁹

Kekurangan yang bersifat sampingan ini kadang-kadang boleh mengancam *fitrah* wanita sepanjang hidupnya kerana keadaan kehidupan yang bersifat khusus seperti kehamilan, melahirkan anak, menyusu dan sibuk dengan urusan rumahtangga. Keadaan seperti ini menyebabkan kurangnya kesedaran wanita terhadap pelbagai bidang kehidupan dan dunia luar, tetapi kekurangan ini dapat diatasi dengan membangkitkan kesedarannya.¹⁰

⁷ Ibid, h. 92-99.

⁸ Ibid, h. 200-241.

⁹ Ibid, h. 408.

¹⁰ 'Abd al-Ḥalīm Abū Syaūqah (1990), *Taḥrīr al-Mar'ah fī 'Aṣr al-Risālah*, Dirāsah Jami'ah li Nuṣuṣ al-Qur'an al-Karīm wa Ṣaḥīḥay al-Bukhārī wa Muslim, j. 1, Kuwait: Dār al-Qalam, h. 275-276.

Hadis yang membicarakan mengenai kekurangan bukanlah dimaksudkan dengan kekurangan *fitriah* yang *lazim*, tetapi hanya berkaitan dengan sebahagian kewajipan yang berhubung dengan sifat umum atau khusus. Keupayaan ini sama sekali tidak mengurangi erti kewujudan wanita dengan berbagai kemampuannya yang tinggi yang telah diberi oleh Allah dalam bidang-bidang tertentu yang kemungkinan pada umumnya wanita dan lelaki sama-sama memiliki kekurangan. Bahkan kadang-kadang wanita lebih utama dari lelaki berdasarkan kepada keahlian yang mengandungi unsur-unsur pencapaian "*al-kasbiah*" dan keupayaan yang bersifat khusus.¹¹

Sebenarnya hadis tersebut membatasi kekurangan akal pada kesaksian yang menyamakan kesaksian seorang lelaki dengan kesaksian dua orang wanita iaitu kesaksian yang dijelaskan oleh al-Quran al-Karim tentang ayat hutang piutang dalam surah al-Baqarah. Walaubagaimanapun untuk kesaksian yang lainnya al-Quran al-Karim telah menetapkan syarat keadilan dan bukannya syarat kekelakuan walaupun jumlah yang diminta dalam kesaksian itu berbeza-beza iaitu keadilan yang berkaitan dengan akidah dan iman, "*daripada kamu sekalian*," satu perkataan yang juga termasuk wanita kerana pengajaran al-Quran yang bersifat umum.

¹¹ Kamil 'Abud Mūsa (Dr.) (1987), *al-Darajah*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 137-139.

Wanita juga boleh menjadi saksi walaupun mereka ini terdiri dari orang awam yang tidak mempunyai pengalaman dan keahlian dalam urusan kewangan atau sedang mengalami haid atau nifas.¹²

Walaupun para ulama berbeza pendapat tentang kesaksian wanita, namun mereka sependapat menerima *periwayatan* hadis daripada wanita.¹³ Antaranya ialah sayyidatina Aisyah r.a telah melampaui kemampuan para sahabat di dalam menghafal hadis-hadis Rasulullah s.a.w yang telah dilupakan oleh sebahagian sahabat.¹⁴ Di samping itu juga, wanita yang terdiri dari kalangan sahabat atau *tabi'in* telah menjadi saksi berbagai peristiwa sejarah.¹⁵

Apa yang perlu kita lihat ialah para tokoh di zaman Nabi s.a.w telah menyaksikan peribadi Rasulullah s.a.w secara langsung yang berkaitan dengan wanita pada masa itu dan menerima utusan wanita yang mengemukakan pelbagai permasalahan yang berkaitan dengan wanita.¹⁶ Ini juga dapat dilihat bahawa para tokoh sahabat juga telah menyaksikan pelbagai peristiwa yang serupa pada zaman Umar al-Khattab yang telah meminta pendapat para wanita

¹² Muḥammad al-Ḥasan Ḥusayn al-Syarāfī (1987), "Wilāyah al-Mar'ah fī al-Islām Bahath Muqāranah", (Tesis sarjana, Fakulti Dār al-'Ulūm, Universiti Cairo), h. 221-222.

¹³ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1959), *al-Asybah wa al-Naẓā'ir fī Qawā'id wa furū' fiqh al-Syāfi'iyyah*, Cairo: Syirkah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syirkah, h. 530.

¹⁴ Badr al-Dīn al-Zarkasyī (1985), *al-Ijābah li Irād Mā Istadrakathu 'Ā'isyah alā al-Ṣahabah*, Sa'id al-Afghānī (ed.), c. 4, Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

¹⁵ Abd al-'Aziz Sayyid (1981), *al-Ahl Ṭabaqat al-Nisa' al-Muhaddithāt min al-Ṭabaqah al-ūlā ilā al-Ṭabaqah al-Sādisah*, Cairo: Matābi' al-Ahrām.

¹⁶ 'Iz al-Dīn ibn al-Athīr (t.t), *Uṣūl al-Ghabah fī Tamyiz al-Ṣahabah*, Muḥammad Ibrahim al-Banna wa Muḥammad Aḥmad 'Asyur (ed.), j; 7, Cairo: Dar al-Sya'ab, h. 19.

untuk menetapkan pelbagai keputusan dan memperbaiki keputusan yang telah lalu.¹⁷

Berdasarkan kepada kenyataan di atas menunjukkan bahawa perbezaan pendapat di sini adalah berkaitan dengan keupayaan wanita. Sesiapa yang melihat adanya kekurangan dalam diri wanita maka dia tidak bersetuju terhadap perlantikan wanita sebagai hakim, manakala sesiapa yang melihat wanita itu sama dengan lelaki dari segi kemampuannya mengendalikan kehakiman dan tidak melihat adanya perbezaan di antara kedua-duanya maka dia bersetuju terhadap perlantikan tersebut.

3.4 Prinsip-prinsip *Fiqh* Yang Membolehkan Wanita Dilantik Sebagai Hakim

Sepertimana yang telah diterangkan oleh penulis, jumhur ulama sependapat bahawa wanita tidak boleh dilantik sebagai hakim. Tetapi untuk tujuan kajian, semasa dan setempat pendapat lain (minoriti) juga perlu diambilkira dan diberi perhatian yang sewajarnya. Begitu juga prinsip-prinsip umum *fiqh* Islam boleh dijadikan asas hukum dan ketetapan.

¹⁷ Abū al-Faraj al-Jawzī (t.t), *Sirah 'Umar Ibn al-Khattab*, Cairo: Matba'ah al-Dār al-Muhammadiyah, h. 68, 84, 149.

3.4.1 Keperluan Mengambil Tempat Dharurat Sama ada Keperluan Umum Atau Khusus

Perlantikan hakim wanita di Mahkamah Syariah hari ini, sudah dianggap ke tahap yang perlu memandangkan banyak kes yang melibatkan wanita dan memerlukan hakim wanita untuk mengendalikan kes-kes tersebut. Jadi keperluan perlantikan ini adalah berdasarkan kaedah:

الحاجة تزل منزلة الضرورة عامة كانت أو خاصة

Maksudnya:

"Keperluan mengambil tempat dharurat sama ada keperluan umum atau khusus"¹⁸.

Situasi seperti ini dapat dilihat memandangkan wanita sekarang ramai yang menceburi dan mendalami bidang perundangan sama dengan lelaki, malah ada juga di kalangan mereka yang mempunyai pengalaman dan kelayakan lebih dari lelaki. Oleh itu bagi tujuan keadilan wanita perlu dilantik sebagai hakim.

Masyarakat sekarang yang telah banyak mengalami perubahan yang mana kaum wanitanya sudah ramai menceburi bidang ini dan mempunyai kepakaran yang begitu tinggi sudah sewajarnya menjadi tanggungjawab kepada pemerintah atau kerajaan untuk melantik hakim wanita kerana keahliannya dan kepakarannya. Perkara ini tidak seharusnya dipandang remeh oleh sesetengah pihak yang memandang kelemahan wanita dari pelbagai aspek.

¹⁸ 'Iz al-Dīn bin 'Abd. al-Salām (t.t), *Qawā'id al-Ahkām fi Maṣāliḥ al-Anām*, T.T.P: T.P, h. 127.

Perlantikan ini dibolehkan selagi wanita itu berlaku adil dalam mengendali dan menjatuhkan hukuman serta tidak bercanggah dengan hukum syarak. Tetapi kewajipan ini tidak akan sempurna melainkan dengan melantik orang yang layak menjadi hakim walaupun perlantikan itu dikhususkan kepada wanita. Ini selaras dengan firman Allah s.w.t.:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya".

Terjemahan Surah al-Nisa' (5) : 58

3.4.2 Hukum Berubah Dengan Berubahnya Zaman

Hukum berubah dengan berubahnya zaman adalah berdasarkan kaedah:

لَا يَنْكُرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ

Maksudnya:

"Tidak dinafikan perubahan hukum dengan berubahnya zaman."¹⁹

¹⁹ Ibid.

Melalui kaedah ini hukum-hukum yang berasaskan faktor setempat akan berubah mengikut perubahan zaman. Kenyataan seperti ini berlaku dan bersesuaian untuk hukum-hukum yang didasarkan kepada faktor setempat dan tidak berkaitan dengan hukum *qat'i* yang telah ditetapkan oleh Islam dan tidak melanggar *nas* syariat.²⁰

Penglibatan wanita dalam bidang kehakiman terbatas pada keahlian dan kesedarannya serta perhubungan sosial di sekelilingnya. Penglibatan wanita ini ditentukan oleh tradisi dan faktor setempat yang dapat mendorong atau membatasi kegiatannya dalam bidang tersebut. Penetapan syariat Islam telah mengambilkira masalah ini dan metodologinya tidak bertentangan dengan faktor setempat itu bahkan merubahnya sesuai dengan keadaan zaman. Oleh sebab itu hukum-hukum itu akan berubah dengan berubahnya zaman bersesuaian dengan perubahan faktor setempat²¹.

Perubahan hukum ini hendaklah tidak bercanggah dengan *nas-nas* syarak yang telah ditetapkan, ini dapat dilihat bahawa telah terdapat kewujudan pelbagai adat dan kebudayaan berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w yang melibatkan wanita masyarakat Mekah dan Madinah. Hadis Rasulullah s.a.w: Maksudnya:

"Wanita Quraisy adalah sebaik-sebaik wanita yang menunggang unta, paling sayang terhadap anak-anak dan paling"

²⁰Abū Ishaq al-Syātibi (1341 M), *al-Muwāfaqat fī Uṣūl al-Aḥkām*, Juz. 2, Beirut: Dār al-Fikr li al-Thiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', h. 197-200, 208-209.

²¹Abd al-Karīm Zaydān (1987), op.cit., h. 258-259.

*bertanggungjawab terhadap suaminya di dalam dirinya sendiri”.*²²

Hadis ini menunjukkan peranan keluarga yang dimainkan oleh kaum wanita Quraisy dan merupakan satu adat yang paling utama. Pada masa yang sama juga wanita-wanita Ansar mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam aktiviti sosial yang lebih meluas.

Untuk membincangkan masalah ini, penulis tertarik dengan pendapat Yusuf al-Qardhawi yang mengatakan adalah suatu yang penting mengetahui perubahan keadaan manusia, sama ada ianya disebabkan oleh perubahan masa perkembangan masyarakat atau wujudnya perkara-perkara yang bersifat dharurat.

Beliau menjelaskan supaya ditinjau semula pandangan ulama terdahulu kerana kemungkinan pandangan tersebut hanya sesuai untuk zaman dan keadaan pada masa itu dan tidak sesuai lagi pada zaman sekarang yang telah mengalami pelbagai perubahan yang sudah tentu perubahan ini belum pernah terfikir oleh generasi terdahulu.²³

Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan sosial kehidupan dan kedudukan wanita pada dasarnya adalah berasaskan kepada *nas* al-Quran

²² *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Aḥādīth al-Anbiyāʾ*, Bab firman Allāh s.w.t “ Idz Qālat al-Malāʾikah yā Maryam, Juz. 6, no. hadith 3434, h. 544.

²³ Yūsuf al-Qardāwī (Dr.) (1996), *Memahami Keutamaan berasaskan al-Quran dan al-Sunnah (fi Fiqh al-Awlawiyyat Dirasah Jadidah fi al-Dhawʾ al-Qurʾān wa al-Sunnah)*, Petaling Jaya: T.P, h. 128 –129.

dan hadis Nabi s.a.w.²⁴ Begitu juga teladan daripada Nabi s.a.w yang mulia, seperti tingkah lakunya bersama ahli keluarganya serta bercampur gaul dengan para sahabat wanita secara umum. Di samping itu ketetapan Baginda bahawa mereka dapat melibatkan diri dalam pelbagai bidang kehidupan seperti ibadah, *muamalah*, mencari ilmu dan berjihad.

Dalam konteks inilah penulis berpendapat bahawa memahami realiti dan perubahan masyarakat adalah perlu agar hukum yang dikeluarkan itu bertepatan dengan kehendak syariah dan prinsip-prinsipnya. Oleh itu wanita harus melibatkan diri mereka dalam tugas-tugas yang mencabar seperti jawatan kehakiman kerana keadaan semasa yang memerlukan hakim wanita dalam pengendalian kes-kes tertentu. Ini juga selaras dengan perubahan masa kini yang tidak menghalang wanita dari menceburi diri mereka dalam bidang perundangan.

Berasaskan prinsip-prinsip *fiqh* menunjukkan wanita berhak dilantik sebagai hakim. Keupayaan mereka melakukan tugas yang mencabar dan bersama kaum lelaki menguatkan lagi kepada kita untuk tidak menafikan kemampuan mereka dalam menjalankan tanggungjawab tersebut dengan baik. Penglibatan wanita dalam kerjaya mereka sudah berlaku pada zaman awal Islam lagi. Apatah lagi sekarang dunia telah mengalami arus pemodenan yang pesat dan memerlukan kepada sumbangan kaum wanita ini dalam pelbagai bidang dan salah satunya ialah bidang kehakiman demi untuk memartabatkan kedudukan

²⁴Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ibid, *Kitāb al-Jum'ah*, *Bāb Hal 'alā Man Lam Yasyhad al-Jumu'ah Ghusl*, Juz. 2, no. hadith 900, h. 444.

dan keupayaan wanita di mata masyarakat dalam menerajui bidang kehakiman yang dianggap mencabar oleh sesetengah pihak yang prejudis terhadap wanita. Keupayaan wanita tidak harus diketepikan oleh masyarakat dengan alasan wanita lemah atau seumpamanya, kerana tanggungjawab wanita adalah sama dengan kaum lelaki.